

Bajet 2009: Garis Panduan Untuk Permohonan Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Bas Siap Termasuk Penyaman Udara Yang Dipasang Dalam Negara Bagi Pengusaha Bas

Pengenalan

Dalam Bajet 2009 pengusaha bas diberi pengecualian cukai jualan ke atas bas siap termasuk penyaman udara yang dipasang dalam negara dengan tujuan mengurangkan kos operasi.

Pengusaha bas sendiri yang ingin membeli komponen bas utama berikut untuk dipasang oleh pengilang/pemasang bas layak mendapat pengecualian cukai jualan

- i. *chasis fitted engine*; dan
- ii. penyaman udara

Pihak Yang Layak

- i. Pengusaha bas ekspres, bas henti-henti, bas sekolah dan bas pekerja yang dilesenkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP); dan
- ii. Pengusaha bas persiaran atau bas pelancongan yang dilesenkan oleh Bahagian Pelesenan, Kementerian Pelancongan (MOTOUR).

Prosedur Permohonan

- i. Pengusaha bas hendaklah mendapatkan surat pengecualian cukai daripada Kementerian Kewangan bagi melayakkan mereka membeli *chasis fitted with engine* dan penyaman udara tanpa cukai jualan;
- ii. Setiap permohonan surat pengecualian hendaklah disokong dengan salinan Surat Tawaran Kelulusan (STK) sama ada daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) atau surat kelulusan bersyarat daripada Kementerian Pelancongan (MOTOUR); dan
- iii. Melengkapkan borang BAC/PB/2008 dan hantar kepada-

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
62592, PUTRAJAYA
(u.p. Cik Afiza bt. Muhammad / Puan Nor Azlina bt. Yusof)

Telefon: 03-8882 3814/ 8882 4154
Faks : 03-8882 4061
E-mel : afiza.muhammad@treasury.gov.my
azlina.yusof@treasury.gov.my

Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat berikut-

- i. Bas hendaklah didaftarkan atas nama pengusaha bas dan disenaraikan dalam *inventory list* pengusaha bas bagi tujuan pemeriksaan pihak kastam;
- ii. Surat kelulusan ini hendaklah dibawa bersama semasa proses pendaftaran kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
- iii. Kelulusan pengecualian ini juga boleh dimansuhkan pada bila-bila masa oleh Menteri Kewangan tanpa memberi apa-apa sebab dan pihak yang berkenaan dikehendaki membayar balik cukai jualan yang diberi semasa pengecualian seolah-olah tiada pengecualian cukai diberi.

Tempoh Pengecualian

Pengecualian yang diberikan berkuat kuasa mulai **30 Ogos 2008** hingga **31 Disember 2011**.

Pulang Balik

Hanya pengusaha bas yang boleh membuktikan pembayaran cukai jualan telah dibuat ke atas bas siap atau komponen utama mulai 30 Ogos 2008 layak untuk memohon bayaran balik cukai jualan. Maka pengusaha bas hendaklah mengemukakan salinan invoice bersama dengan surat permohonan.

**PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS BAS SIAP
TERMASUK PENGHAWA DINGIN BAGI PENGUSAHA BAS**

NAMA PENGUSAHA BAS :

NO. LESEN LPKP/ MOTOUR :

BILANGAN BAS YANG DICADANG UNTUK DIBELI :

TEMPOH SAH LESEN :

BIL.	KETERANGAN PERALATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI	KUANTITI	NAMA PENGELUAR/PEMASANG	JANGKAAN TARIKH PEMBELIAN	HARGA	JUMLAH CUKAI JUALAN
1.	CHASIS FITTED WITH ENGINE					
2.	PENYAMAN UDARA					
JUMLAH BESAR			JUMLAH BESAR			